

## **Analisis kesalahan sebutan Huruf-huruf Al-Quran dalam kalangan pelajar dewasa di Pusat-pusat Pengajian Al-Quran Zon Utara semenanjung Malaysia**

**Wan Muhammad Hafizuddin Wan A. Halim<sup>1\*</sup>, Abdul Jalal Abdul Manaf<sup>2</sup>,  
Abd Rahman Abd Ghani<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Sains Kemanusiaan, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris

<sup>2</sup>Fakulti Sains Kemanusiaan, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris

<sup>3</sup>Fakulti Sains Kemanusiaan, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris

\*Correspondence: [hafizuddin@fsk.upsi.edu.my](mailto:hafizuddin@fsk.upsi.edu.my)

**Received:** 27 September 2023; **Accepted:** 15 November 2024; **Published:** 15 January 2024

**To cite this article (APA):** Wan A. Halim, W. M. H., Abdul Manaf, A. J., & Abd Ghani, A. R. (2024). Analisis kesalahan sebutan Huruf-huruf Al-Quran dalam kalangan pelajar dewasa di Pusat-pusat Pengajian Al-Quran Zon Utara semenanjung Malaysia. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 2(1), 14–22. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol2.1.2.2024>

### **Abstrak**

Isu kelemahan dalam melafazkan huruf-huruf al-Quran secara sempurna dan tepat dilihat masih berlaku dalam kalangan pelajar dewasa di pusat-pusat pengajian al-Quran walaupun telah melalui bimbingan bacaan al-Quran untuk satu tempoh masa yang tertentu. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis huruf-huruf al-Quran yang dilafazkan secara tidak tepat dari sudut *makhraj*, *sifat* dan *lahjah* dalam kalangan pelajar dewasa di pusat pengajian al-Quran dewasa di PPQM Quranic Centre, Tartil Centre dan Al-Jazari Centre. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif. Data telah dikumpul dengan instrumen set ujian kualiti bacaan dari enam kategori ayat al-Quran yang dijalankan terhadap 70 responden yang terdiri daripada pelajar dewasa yang sedang menyertai program *Talaqqi* al-Quran Riwayat *Hafs One To One* di PPQM Quranic Centre, Tartil Centre dan Al-Jazari Centre. Keputusan ujian mendapati 20 huruf yang disebut secara tidak tepat oleh responden yang mana huruf tertinggi adalah huruf *Zai* (75.7%) diikuti *Dhad* (72.8%). Huruf terendah adalah huruf *Ta* (7.1%) diikuti huruf *Shin* (8.5%). Kajian juga mendapati tiga bentuk kesalahan sebutan huruf-huruf al-Quran yang mana yang tertinggi adalah ketidaksempurnaan *sifat* huruf iaitu melibatkan 14 huruf (70%), diikuti kecenderungan *lahjah* bukan kearaban sebanyak 11 huruf (55%) dan ketidaktepatan *makhraj* huruf melibatkan 9 huruf (45%). Implikasi kajian meunjukkan keperluan kepada pihak-pihak yang berkaitan dalam merancang dan melaksanakan pengajaran yang berkesan dalam meningkatkan kualiti sebutan huruf-huruf al-Quran secara lebih bersasar dalam kalangan orang dewasa di Malaysia.

**Kata kunci:** Huruf al-Quran, *makhraj* huruf, *sifat* huruf, pusat pengajian al-Quran

### **Abstract**

The issue of weakness in pronouncing the letters of the Quran perfectly and accurately is seen to still occur among adult students in al-Quran learning centers despite having gone through the guidance of reading the Quran for a long period of time. This study attempts to identify and analyse the letters of the Qur'an that are often pronounced incorrectly and the forms of errors in the letters of the Qur'an that occur among adult students at three selected adult al-Quran learning centers. This study attempts to identify and analyse the letters of the Qur'an that are

pronounced incorrectly from the point of view of *makhraj*, *sifat huruf* and dialect among adult students at three centers for adult study of the Qur'an, namely PPQM Quranic Centre, Tartil Center and Al-Jazari Center. This study uses a quantitative method through a set of reading quality test instruments from six categories of verses of the Quran conducted on 70 respondents consisting of adult students who are participating in the Talaqqi al-Quran Riwayat Hafs One to One program at the PPQM Quranic Centre, Tartil Center and Al-Jazari Center. The result found 20 letters that were pronounced incorrectly by the respondents, of which the highest letter was the letter *Zai* (75.7%) followed by *Dhod* (72.8%). The lowest letter is the letter *Ta* (7.1%) followed by the letter *Syin* (8.5%). The study also found the errors in the *makhraj* of the letters of the Qur'an, which is the highest from the point of view of the *sifat* of the letters, which involves 14 letters (70%), followed by errors in the Arab dialect of 11 letters (55%) and errors in the pronunciation of letters involving 9 letters (45%). This study will provide guidance to the relevant parties in planning and implementing effective teaching in improving the quality of the pronunciation of the letters of the Quran among adults in Malaysia.

**Keywords:** Al-Quran letters, *makhraj* of letters, *sifat* of letters, al-Qur'an study center

## **Pendahuluan**

Isu kesalahan sebutan huruf-huruf al-Quran dalam kalangan pelajar dewasa di pusat-pusat pengajian al-Quran menjadi tumpuan pengajar atau pendidik dalam bidang al-Quran. Kelemahan mempraktikkan sebutan huruf-huruf Arab dengan tepat dan sempurna ketika bacaan al-Quran sering dikesan dalam kalangan masyarakat dewasa di beberapa pusat pengajian al-Quran di Malaysia. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti huruf-huruf al-Quran yang sering berlaku kesalahan sebutan dalam kalangan pelajar dewasa di pusat al-Quran dewasa. Kajian ini juga menganalisis bentuk kesalahan dalam penyebutan huruf-huruf al-Quran yang berlaku dalam kalangan pelajar dewasa di pusat al-Quran dewasa.

## **Latar Belakang Kajian**

Pembelajaran bacaan al-Quran untuk golongan dewasa secara tidak formal bermula di kampung-kampung melalui kelas-kelas al-Quran yang kebiasaannya dibuat di rumah-rumah guru al-Quran. Kemudian, ia berkembang dengan kewujudan kelas-kelas al-Quran di premis-premis kedai yang dikelolai oleh individu, pertubuhan atau syarikat-syarikat tertentu. Realiti ini, banyak pusat-pusat pengajian bimbingan bacaan al-Quran khusus untuk golongan dewasa muncul yang dapat dilihat operasinya di bandar-bandar, pekan mahupun kampung di Semenanjung Malaysia (Hasbie al-Shiddique, Khairul Anuar dan Samer Najah, 2019).

Dalam konteks ini, terdapat beberapa pusat pengajian al-Quran di Malaysia yang aktif memberikan pendidikan kepada golongan dewasa. Antaranya ialah PPQM Quranic Centre berpusat di Kepala Batas, Pulau Pinang, Tartil Centre di Kulim, Kedah dan Al-Jazari Centre di Arau, Perlis. Ketiga-tiga pusat ini menawarkan program-program bimbingan bacaan al-Quran seperti ditunjukkan dalam di Jadual 1.

**Jadual 1:** Program bimbingan bacaan al-Quran di pusat pengajian al-Quran

PPQM Quranic Centre	Tartil Centre	Al-Jazari Centre
1. <i>Talaqqi</i> al-Quran (Hafs) One To One	1. <i>Talaqqi</i> al-Quran (Hafs) One To One	1. <i>Talaqqi</i> al-Quran (Hafs) One To One
2. <i>Talaqqi</i> Qiraat One To One	2. <i>Talaqqi</i> Qiraat One To One	2. <i>Talaqqi</i> Iqra One To One
3. <i>Talaqqi</i> Iqra One To One	3. <i>Talaqqi</i> Iqra One To One	
4. Hafazan al-Quran		

Persamaan pusat pengajian tersebut adalah memfokuskan *Talaqqi One to One* bimbingan sebutan huruf al-Quran yang tepat dan sempurna mengikut kaedah *makhraj* dan *sifat* huruf serta penekanan sebutan huruf ke arah berlahjah arab tanpa mengesampingkan hukum-hukum tajwid asas. Hal ini selari dengan pusat-pusat pengajian al-Quran di Malaysia umumnya semenjak dahulu hingga kini yang menekankan topik utama pengajaran dan pembelajaran dalam silibus kelas-kelas tajwid untuk golongan dewasa adalah berkaitan teori dan praktikal sebutan huruf-huruf al-Quran (Hasbie, Khairul Anuar, Norazman, 2018).

Penekanan pada sebutan huruf adalah bersesuaian dengan sifat kandungan setiap ayat Al-Quran itu sendiri yang terbina daripada kalimah-kalimah Arab, yang mana setiap kalimah tersebut pula terbina dari huruf-huruf Arab yang dikenali sebagai *Huruf Hijaiyyah*. Ia menjadi topik perbincangan utama dalam karya-karya Ilmu Tajwid yang menjurus kepada aspek teori kaedah sebutan huruf-huruf tersebut (al-Mirsafi, t.t).

### Permasalahan Kajian

Isu kelemahan masyarakat Melayu dalam melafazkan beberapa huruf ketika bacaan al-Quran menjadi perhatian sebahagian pengkaji dalam bidang al-Quran. Terdapat kajian yang membuktikan isu ini berlaku dalam kalangan pelajar sekolah (Kamarulzaman Abd Ghani & Nik Mohd Rahimi, 2000), sebahagian besar pelajar di PERKIM (Sabariah Othman, 2011), mahasiswa (Azarudin Awang et.al) dan guru pelatih (Mohamad Nasir & Rubiyah Haron 1997).

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlaku masalah tersebut, antaranya status bukan penutur jati bahasa Arab (Zarima, 2018), pengaruh bahasa ibunda (Kamarulzaman Abd Ghani & Nik Mohd Rahimi, 2000), kepelatan lidah Melayu dan terdapat beberapa *Huruf al-Hijaiyyah* yang tidak terdapat dalam konsonan Melayu (Amilrudin Ishak, 2008). Isu kesalahan dalam menyebut huruf-huruf al-Quran turut direkodkan berlaku dalam kalangan pelajar kelas *talaqqi* al-Quran dewasa yang telah melebihi setahun menyertai kelas di beberapa pusat pengajian di zon utara yang memfokuskan pembelajaran ke arah membetulkan sebutan huruf iaitu di PPQM Quranic Centre mencatatkan 62% pelajarnya terlibat dengan isu tersebut. Manakala di Tartil Centre mencatatkan 43% dan Al-Jazari Centre sebanyak 56%.

Timbul persoalan tentang apakah kelemahan ini berlaku pada semua huruf-huruf al-Quran, dan adakah kelemahan yang berlaku tersebut hanya berkisar tentang *makhraj* huruf atau *sifat* atau kedua-duanya sekali. Kajian-kajian terdahulu kurang melaporkan tentang isu-isu secara khusus di pusat-pusat pengajian al-Quran dewasa, terutamanya dalam kajian jenis huruf dan bentuk kesalahan huruf-huruf al-Quran yang seringkali menjadi kesalahan. Kajian ini juga sejajar dengan kepentingan bahawa ketepatan sebutan bunyi *Huruf al-Hijaiyyah* merupakan satu tuntutan khusus yang amat penting ketika pembacaan al-Quran (al-Jazari, 2012). Tambahan pula, sebutan huruf-huruf Al-Quran yang tepat ketika *tilawah* adalah termasuk dalam kewajipan wajib *fardhu ain* dalam mengamalkannya (al-Mirsafi, t.t).

## Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenalpasti huruf-huruf al-Quran yang sering berlaku kesalahan penyebutannya dalam kalangan pelajar dewasa di pusat al-Quran dewasa.
2. Menganalisis bentuk kesalahan dalam penyebutan huruf-huruf al-Quran yang berlaku dalam kalangan pelajar dewasa di pusat al-Quran dewasa.

## Metodologi Kajian

Dalam kajian ini penyelidik memilih reka bentuk kajian yang berbentuk metod kuantitatif iaitu dengan menggunakan instrumen set ujian kualiti bacaan. Keputusan ujian kualiti bacaan akan dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk jadual dan numerikal yang menzahirkan bilangan dan senarai huruf-huruf al-Quran yang disebut secara tidak tepat dan bentuk-bentuk kesalahan yang berlaku ketika sesi ujina bacaan al-Quran oleh responden yang ditinjau dari tiga sudut iaitu *makhraj*, sifat dan kecenderungan *lahjah* bukan kearaban.

Kajian ini dijalankan dalam kalangan pelajar dewasa yang sedang menyertai program *Talaqqi* al-Quran Riwayat *Hafs* One To One di PPQM Quranic Centre, Tartil Centre dan al-Jazari Centre Populasi. Responden dipilih dengan kaedah persampelan rawak mudah di tiga pusat pengajian al-Quran dan sedang mengikuti kelas *Talaqqi* al-Quran Riwayat *Hafs* One to One. Antara kriteria pemilihan responden ialah pelajar yang telah melepasi *talaqqi* sekurang-kurang juz 15 iaitu seramai 70 orang di tiga pusat pengajian al-Quran dewasa, seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2:** Jumlah responden kajian di pusat pengajian al-Quran

Perkara	PPQM Quranic Centre	Tartil Centre	Al-Jazari Centre	Jumlah
Bilangan Populasi <i>Talaqqi</i> al-Quran ( <i>Hafs</i> ) One To One	37	25	8	70
Bilangan Responden <i>Talaqqi</i> al-Quran ( <i>Hafs</i> ) One To One	37	25	8	70

### a) Set Ujian Kualiti Bacaan

Bagi tujuan mendapatkan data tentang jenis dan bilangan huruf-huruf al-Quran yang disebut secara tidak tepat oleh responden, satu set ujian kualiti bacaan dibina dan melalui semakan oleh penilai pakar. Set tersebut mengandungi beberapa potongan ayat al-Quran yang perlu dibaca secara responden. Potongan-potongan ayat tersebut terdiri daripada enam kategori ayat seperti Jadual 3.

**Jadual 3:** Kategori surah dan ayat dalam set ujian kualiti bacaan

Kategori	Surah yang dipilih	Nombor Ayat yang dipilih
Juz 1 - 10	<i>Al-A'raf</i>	40 - 42
Juz 11 - 20	<i>Al-Shuara'</i>	60 - 65
Juz 21 - 29	<i>Al-Saffat</i>	70 - 75
Surah-surah pilihan	<i>Al-Sajdah</i>	10 - 12
Juz 30 ( <i>al-Naba' – al-Lail</i> )	<i>Al-Naba'</i>	17 - 21
Juz 30 ( <i>al-Dhuha – al-Nas</i> )	<i>Al-Zalzalah</i>	1 - 4

Kategori-kategori ini dibuat bagi mendapatkan data yang lebih tepat menyeluruh untuk semua jenis potongan ayat. Ini disebabkan tahap kelancaran dan kekerapan bacaan responden adalah berbeza-beza. Contohnya, surah yang kerap dibaca seperti al-Fatihah kadangkala lebih fasih berbanding dengan surah yang jarang dibaca.

#### b) Kaedah Penilaian Ujian

Responden diberikan set ujian yang sama dan perlu memperdengarkan bacaan secara lisan berseorangan kepada panel pakar. Penilaian bacaan dilihat kepada huruf-huruf al-Quran yang dibaca secara tidak fasih iaitu dengan menilai aspek-aspek berikut:

- I. *Makhraj* huruf: Tempat atau tapak keluarnya setiap huruf al-Quran yang berlegar dalam lima makhraj umum dan 17 makhraj khusus (al-Jazari, 2002). Contohnya *makhraj* umum bagi huruf Hamzah adalah di bahagian halkum, manakala *makhraj* khususnya adalah di pangkal halkum (al-Jazari, 2002).
- II. *Sifat* huruf: Ciri atau identiti khusus yang berada pada setiap sebutan huruf al-Quran. *Sifat* huruf yang masyhur berjumlah 17 sifat (al-Jazari, 2002) (al-Mirsafi, t.t). Contohnya antara *sifat* bagi huruf Hamzah adalah *Jahr*, *Syiddah*, *Istifal*, *Infifah* (al-Jazari, 2002).
- III. *Lahjah* sebutan huruf: Huruf-huruf al-Quran adalah terdiri daripada huruf-huruf arab yang mana sudah pasti lahjanya sebutannya akan berlahjah kearaban. Contoh lahjah kearaban adalah sebutan huruf istifal berbaris fathah yang tidak terlalu ekstrim dalam membuka mulut (Al-Sakhawi, t.t. Abu Shamah, 2009).

### Dapatan Kajian

#### (i) Huruf-Huruf al-Quran yang Disebut Secara Tidak Tepat

Maksud huruf-huruf al-Quran yang disebut secara tidak tepat adalah sebutan yang mengandungi kesalahan *makhraj*, *sifat* dan sebutan ke arah *lahjah* bukan kearaban. Secara umumnya, senarai huruf-huruf al-Quran yang disebut secara tidak tepat yang dapat dikesan dalam kalangan responden mengikut pusat pengajian masing-masing.

**Jadual 4:** Senarai huruf al-Quran yang disebut secara tidak tepat

Pusat Pengajian	Senarai Huruf	Jumlah Huruf
PPQM Quranic Centre	<i>Hamzah, Ba, Tha, Ha, Kha, Zal, Ra, Zai, Syin, Sad, Dhod, Tho, Zho, Ain, Ghain, Qaf, Mim.</i>	17
Tartil Centre	<i>Hamzah, Ba, Jim, Ha, Kha, Ra, Zai, Syin, Sad, Dhod, Tho, Zho, Ain, Ghain, Qaf, Lam.</i>	16
Al-Jazari Centre	<i>Hamzah, Ba, Ta, Jim, Ha, Kha, Ra, Zai, Syin, Sad, Dhod, Tho, Zho, Ain, Ghain, Qaf, Lam, Mim.</i>	18

Berdasarkan Jadual 4, terdapat 20 huruf yang disebut responden secara tidak tepat iaitu *Alif, Ba, Ta, Tha, Jim, Ha, Kha, Zal, Ra, Zai, Syin, Sad, Dhod, Tho, Zho, Ain, Ghain, Qaf, Lam, Mim*. Jumlah ini mewakili 71.4% daripada keseluruhan huruf al-Quran. Daripada jumlah huruf tersebut, huruf *Tha, Zal* dikesan hanya berlaku dari PPQM, huruf *Ta* dari al-Jazari, huruf *Jim, Lam* dari Tartil dan al-Jazari dan huruf *Mim* dari PPQM dan al-Jazari. Manakala baki huruf adalah berlaku dari ketiga-tiga pusat tersebut. Huruf-huruf yang dibaca dengan tepat oleh keseluruhan responden adalah berjumlah 8 huruf *Dal, Sin, Fa, Kaf, Nun, Wau, Ha* dan *Ya*. Semua huruf ini membunyai bunyi huruf yang sebanding dan seakan-akan dalam Bahasa Melayu iaitu huruf D, S, F, K, N, W, H dan Y. Hal ini dilihat menjadi faktor kepada ketepatan sebutan responden tersebut sebagaimana dapatan Amilrudin Ishak (2008). Huruf-huruf al-Quran yang disebut secara tidak tepat daripada keseluruhan responden adalah seperti Jadual 5.

**Jadual 5:** Perincian senarai huruf al-Quran yang disebut secara tidak tepat

Huruf	Peratusan	Bilangan Responden	Pecahan Mengikut Pusat Pengajian		
			PPQM Quranic Centre	Tartil Centre	Al-Jazari Centre
<i>Alif</i>	24.2	17	7	8	2
<i>Ba</i>	12.8	9	5	3	1
<i>Ta</i>	7.1	5	3	1	1
<i>Tha</i>	40	28	12	13	3
<i>Jim</i>	25.7	18	5	8	5
<i>Ha</i>	35.7	25	15	9	1
<i>Kha</i>	32.8	23	8	10	5
<i>Zal</i>	11.4	8	4	3	1
<i>Ra</i>	42.8	30	14	10	6
<i>Zai</i>	75.7	53	21	25	7
<i>Syin</i>	8.5	6	3	2	1
<i>Sad</i>	34.2	24	8	11	5
<i>Dhod</i>	72.8	51	25	19	7
<i>Tho</i>	38.5	27	15	9	3
<i>Zho</i>	40	28	9	14	5
<i>Ain</i>	38.5	27	13	11	3
<i>Qaf</i>	38.5	27	16	6	5
<i>Lam</i>	18.5	13	6	5	2
<i>Mim</i>	18.5	13	3	7	3

Dapatan kajian menunjukkan huruf paling tinggi adalah huruf *Zai* (75.7%) diikuti *Dhod* (72.8%). Huruf *Dhod* merupakan antara huruf yang sedikit sukar disebut sebagaimana dinyatakan dalam beberapa karya tajwid (Mahmud Rafat, 2008). Namun, majoriti responden tidak dapat menyebut huruf *Zai* dengan sempurna berbanding sebutan dalam Bahasa Melayu iaitu bunyinya seakan-akan huruf Z. Keunikan huruf *Zai* berbanding Z adalah pada sifat *safirnya* yang tiada pada Z. Hal ini berkemungkinan menjadi faktor kepada kesilapan sebutan responden. Huruf paling rendah adalah huruf *Ta* (7.1%) diikuti huruf *Syin* (8.5%). Huruf *Ta*

mempunyai sebandingnya dalam Bahasa Melayu iaitu bunyinya seakan-akan huruf T. Manakala huruf *Syin* tiada sebanding dengannya, namun boleh dieja sengan SH atau SY dalam Bahasa Melayu.

(ii) Bentuk-Bentuk Kesalahan Sebutan Huruf

Dapatan kajian menunjukkan kesalahan sebutan huruf dalam kalangan responden adalah *makhraj*, *sifat* dan *lahjah* sebutan huruf. Tiga bentuk kesalahan sebutan huruf-huruf al-Quran yang dapat dikesan pada setiap huruf yang disenaraikan di atas iaitu kesalahan dari sudut ketidaktepatan tempat keluar hurufnya (*makhraj*), ketidaksempurnaan sebahagian sifat hurufnya dan kecenderungan bunyi huruf ke arah *lahjah* bukan kearaban ketika melafazkan bunyi huruf yang terlibat adalah seperti Jadual 6.

**Jadual 6:** Bentuk kesalahan sebutan huruf-huruf al-Quran

Huruf	Kesalahan Makhraj	Kesalahan Sifat	Lahjah Bukan Kearaban
<i>Alif</i>	√		√
<i>Ba</i>		√ ( <i>Qalqalah</i> )	√
<i>Ta</i>		√ ( <i>Hamam</i> )	√
<i>Tha</i>	√		√
<i>Jim</i>		√ ( <i>Qalqalah</i> )	√
<i>Ha</i>	√		√
<i>Kha</i>	√	√ ( <i>Isti'la</i> )	√
<i>Zal</i>	√		
<i>Ra</i>		√ ( <i>Takrir, Tafkhim</i> )	
<i>Zai</i>		√ ( <i>Sofir</i> )	
<i>Syin</i>		√ ( <i>Tafashshi</i> )	
<i>Sad</i>	√	√ ( <i>Sofir, Isti'la</i> )	
<i>Dhad</i>	√	√ ( <i>Isti'la, Istitolah</i> )	√
<i>Tho</i>	√	√ ( <i>Isti'la, Qalqalah</i> )	
<i>Zho</i>		√ ( <i>Isti'la</i> )	
<i>Ain</i>	√	√ ( <i>Tawassut</i> )	√
<i>Qaf</i>		√ ( <i>Isti'la, Qalqalah</i> )	
<i>Lam</i>			√
<i>Mim</i>		√ ( <i>Ghunnah</i> )	√

Kesalahan yang paling banyak berlaku adalah dari sudut *sifat* huruf iaitu melibatkan 14 huruf (70%), diikuti kesalahan *lahjah* bukan kearaban sebanyak 11 huruf (55%) dan kesalahan *makhraj* huruf melibatkan 9 huruf (45%). Huruf *Kha*, *Dhad* dan *Ain* dilihat agak ketara kesalahan penyebutan kerana mengandungi ketiga-tiga bentuk kesalahan. Huruf-huruf ini termasuk dalam kategori huruf yang tiada sebanding dalam Bahasa Melayu yang menyukarkan masyarakat melayu untuk melafazkannya dengan tepat.

Selain itu, kesalahan dapat dikesan dari sudut sifat *isti'la* meliputi huruf-huruf tebal iaitu *Kha*, *Sad*, *Dhad*, *Tho*, *Zha*, *Ghain* dan *Qaf*. Ia berkemungkinan disebabkan kerana tiada huruf dalam Bahasa Melayu yang dibaca tebal seperti sifat *isti'la*. Kesalahan sifat *qalqalah* juga dapat dikesan pada majoriti hurufnya iaitu *Ba*, *Jim*, *Tho* dan *Qaf*. Sifat *sofir* pada huruf *Zai* dan *Sad* dan sifat *takrir* dan *takfkhim* pada huruf *Ra* dicatatkan yang merupakan kesalahan yang biasa didengari dalam bacaan masyarakat melayu.

## **Kesimpulan**

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dinyatakan terdapat 20 huruf yang perlu diberikan latihan sebutan iaitu *Alif, Ba, Ta, Tha, Jim, Ha, Kha, Zal, Ra, Zai, Syin, Sad, Dhad, Tho, Zho, Ain, Ghain, Qaf, Lam, Mim*. Penekanan bimbingan dan latihan juga kepada lima huruf iaitu huruf *Kha, Ra, Zai, Dhad* dan *Ain*. Ia boleh mengurangkan kelemahan tiga bentuk kesalahan yang telah dikenalpasti iaitu kesalahan dari sudut ketepatan tempat keluar hurufnya (makhraj), kesempurnaan sebahagian sifat huruf dan kecenderungan bunyi huruf ke arah *lahjah* kemelayuan. Dari sudut sifat huruf, keperluan penekanan secara khusus dalam bimbingan dan latihan berterusan melibatkan 4 sifat utama iaitu sifat *Isti'la, Qalqalah, Sofir* dan *Takrir*. Ia penting dalam pengajaran dan pembelajaran guru al-Quran di pusat-pusat pengajian yang berorientasikan *talaqqi* al-Quran dan institusi yang berkaitan dengan bacaan al-Quran dalam meningkatkan kualiti sebutan huruf-huruf al-Quran dalam kalangan dewasa di Malaysia.

## **Penghargaan**

Artikel ini adalah sebahagian daripada geran penyelidikan kod (2021-0116-106-29) melalui dana yang dibiayai oleh PPQM Training & Consultancy.

## **Rujukan**

- Abu Shamah 'Abd al-Rahman bin Isma'il (2009). *Ibraz al-Ma'ani min Hirz al-Amani*. ed. Jamal al-Din Muhammad Sharaf. Tanta: Dar al-Shahabah.
- Al-Jazari, Muhammad bin Muhammad. 2002, *al-Nashr Fi al-Qiraat al-Ashr*, Tanta: Dar al-Sahabah.
- Al-Mirşafi 'Abd al-Fattah bin Sayyid 'Ajmi. t.t. *Hidayah al-Qari ila Tajwid Kalam al-Bari*. cet. ke-2. Madinah: Maktabah al-Tayyibah.
- Al-Zarqani, Muhammad Abd al-'Azim. 1988. *Manahil al-'Irfan Fi Ulum al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Azarudin Awang, Azman Che Mat dan Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakub. Tahap Pembacaan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Di UiTM Terengganu. *AJTLHE* Vol. 3, No.2, 83-100.
- Harun Baharuddin. 2009. *Penguasaan Sebutan Konsonan Arab Dari Segi Makhraj dalam Kalangan Pelajar Prasekolah*. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kamarulzaman Abdul Ghani dan Nik Mohd Rahimi. 2000. Pengaruh Bahasa Melayu ke Atas Penguasaan Sebutan Bahasa Arab dan Tilawah al-Quran. *Sari*. 18: 67-79.
- Mahmud Rafat. 2008. *Al-Fawaid al-Jaliyyah*. Kaherah: Maktabah al-Rasheed.
- Mohamad Nasir & Rubiyah Haron. 1997. Tahap Penguasaan Bacaan al-Quran di Kalangan Guru Pelatih Bukan Pengkhususan Pengajian Agama Islam. Alor Setar: Institut Perguruan Darul Aman.
- Mohd Hasbie al-Shiddique, Khairul Anuar Mohamad dan Norazman Alias. 2018. Pengamalan Ilmu Tajwid Dalam Pengajian Talaqqi al-Quran Bersanad, *Jurnal Darul Quran JAKIM*, Bil. 22.
- Mohd Hasbie al-Shiddique, Khairul Anuar Mohamad dan Samer Najah. 2019. Talaqqi al-Quran Bersanad: Satu Tinjauan di Pusat Pengajian al-Quran. *Jurnal Qiraat*, VOL 2, Bil 1.



- Mustapha Kamil Che Pa. 2001. *Pencapaian tajwid di kalangan pelajar-pelajar Maahad Tahfiz: Satu kajian kes*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nur Afifah Aminuddin Zaki. 2012. *Masalah Sebutan Bunyi Vokal Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu di IPTA*. Tesis Sarjana, Pengajian Bahasa Moden, Universiti Malaya.
- Sabariah Othman. 2011. *Masalah penyebutan huruf al-Quran di kalangan saudara baru: Satu kajian kes*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sapie Sabilan, et.al (2018). Analisis Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran Murid Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Karang Berdasarkan Model Khatam Al-Quran Dan Model Tasmik J-Qaf.
- Surur Shahbuddin bin Hassan, Muhammad Azhar bin Zailaini. 2015). Bentuk-bentuk Kesalahan Bacaan al-Quran pelajar di Sebuah IPTA. *The Online Journal Of Islamic Education*, 3(2). 1-9.
- Zainatunakmar Abdul Manap. 2012. *Tahap Penguasaan Kemahiran Tilawah Al-Quran di Kalangan murid-murid Tahun 4 di Sekolah Kebangsaan Pusat Bandar Puchong (1)*, Laporan Akhir Ijazah Sarjana Muda Pengajaran, Open University Malaysia, Kuala Lumpur.
- Zainora Daud, Shahrudin Saad dan Hayati Hussin. 2018. Tahap Keberkesanan Ilmu Tajwid: Analisis Terhadap Sekolah Tahfiz Swasta Di Selangor. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, Vol. 2.
- Zarima Mohd Zakaria. 2018. *Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan Guru Bahasa Arab Dalam Pengajaran Konsonan Arab*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.